

**Pakatan tidak sekata berhubung PRK Kuala Besut**  
**Malaysian Insider**  
**July 2 , 2013**  
**OLEH HASBULLAH AWANG CHIK**

DAP masih belum pasti apakah peranan yang dapat dimainkan bagi membantu jentera Pakatan Rakyat (PR) dalam pilihan raya kecil (PRK) di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Besut yang akan berlangsung tidak lama lagi.

Menurut Anthony Loke, mesyuarat berkenaan dengan PRK Kuala Besut diperingkat parti itu masih belum lagi diadakan.

"Kami masih belum memutuskan peranan yang dapat dimainkan oleh DAP kerana mesyuarat bagi menghadapi PRK berkenaan masih belum diadakan," jelas Setiausaha Organisasi Kebangsaan DAP itu apabila dihubungi The Malaysian Insider.

Selain itu, Loke juga tidak mahu memberikan ramalan mengenai peluang PAS yang berkemungkinan besar akan mewakili PR dalam PRK itu.

"Isu kubu kuat tidak timbul. Keputusan pilihan raya boleh bertukar. PAS dan BN pernah memenangi kerusi berkenaan," ujar Anthony.

Berbeza dengan Setiausaha Agung PKR Datuk Saifuddin Nasution Ismail yang lebih jelas dengan mengatakan PKR akan memberi bantuan sepenuhnya bagi memastikan kemenangan calon PAS dalam PRK itu nanti.

"PKR akan membantu habis-habisan bagi memastikan kemenangan calon PAS dalam PRK nanti.

"Dalam konteks PR, kemenangan PAS juga merupakan kemenangan bagi PKR dan DAP. Kita mengengahkan kemenangan bersama," kata Saifuddin kepada The Malaysian Insider.

Saifuddin memberitahu isu peningkatan kos kehidupan, peluang pekerjaan dan kemudahan asas bakal menjadi perhatian pengundi DUN Kuala Besut.

"Saya tidak fikir pengundi di Kuala Besut akan tersentuh dengan isu kebebasan undang-undang, media, penyelewengan dan rasuah pemerintah.

Beliau turut menafikan pegawai kerajaan merupakan kumpulan pengundi terbesar di Kuala Besut.

"Saya tidak fikir pegawai kerajaan merupakan peratusan tertinggi pengundi di sana. Jika ada pegawai kerajaan, mereka merupakan pegawai kerajaan setempat di Pejabat Daerah mahupun agensi kerajaan negeri. Jumlahnya tidak begitu signifikan.

"Isu perkauman dan agama akan terus dimainkan oleh Umno dan BN. Begitu juga pada PRK Besut ini. Malang bagi perkembangan politik Malaysia jika Umno terus selesa memainkan sentimen kaum dan agama," jelas Saifuddin.

Saifuddin menambah PR harus berdepan dengan strategi kempen perkauman yang dimainkan BN terutama psikologi orang Melayu yang bersifat sedikit emosional.

"PR akan terus berusaha membina politik baru dengan memperjuangkan hak semua kaum dalam perlembagaan.

"Semua kaum berhak menjalani hidup sebagai rakyat Malaysia dan PR akan terus mempromosikan politik matang dan mengajak meninggalkan politik sempit," kata Saifuddin.

Saifuddin juga enggan mengulas calon yang sesuai untuk ditampilkan oleh PR kerana masih belum mendapat maklumat lanjut berhubung isu berkenaan.

Semalam, SPR memberitahu tarikh penamaan calon dan tarikh pengundian PRK Kuala Besut akan diumumkan Jumaat ini.

SPR juga tidak menolak kemungkinan "dakwat kekal" yang digunakan dalam Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) yang lalu akan digunakan dalam PRK Besut.

PRK Besut diadakan berikutan penyandanganya Dr. A. Rahman Mokhtar kembali ke rahmatullah pada minggu lalu akibat komplikasi paru-paru berair. - 2 Julai, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pakatan-tidak-sekata-berhubung-prk-kuala-besut/>